

18/01/1999

Rakyat perlu bijak pilih pemimpin

TARIKH sebenar pilihan raya Dewan Undangan Negeri (DUN) Sabah mungkin masih rahsia dalam tempoh sehari dua ini tetapi ia tetap akan diketahui dalam jangka waktu yang singkat. Sebagaimana dilaporkan kelmarin, Parti komponen Barisan Nasional (BN) Sabah sudah mengakhiri pertemuan dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membincangkan perkara itu dan diramalkan pengumuman mengenai pembubaran DUN Sabah akan menyusul pada bila-bila masa. Terpulanglah kepada Ketua Menteri, Datuk Bernard Dompok memilih tarikh membuat pengumuman dan tarikh pilihan raya diadakan sebagaimana yang mungkin sudah diputuskan oleh BN. Ini perkara biasa dalam proses pembubaran dan pembentukan kerajaan. Apabila tiba tempohnya, proses ini perlu dilakukan. Sekurang-kurangnya ia memberi peluang kepada parti politik untuk mengambil bahagian dalam proses demokrasi yang diterima pakai di negara ini. Jika parti pembangkang berasa mereka perlu menentang kerajaan BN, tidak ada halangan untuk mereka berbuat demikian, asalkan mematuhi peraturan ditetapkan.

Hakikatnya, pemerintahan kerajaan BN berlarutan hingga ke penghujung penggal menjangkau genap lima tahun, tanpa keperluan untuk mengadakan pilihan raya awal sebelum ini. Semua ini menunjukkan pentadbiran kerajaan BN di Sabah begitu stabil terutama setelah pentadbiran ketua menteri secara giliran mewakili tiga kaum utama di negeri itu, dilaksanakan. Ia juga menunjukkan keyakinan kerajaan terhadap penerimaan rakyat terhadap kerajaan BN. Tidak ada tuntutan daripada rakyat Sabah supaya pilihan raya diadakan sepanjang tempoh itu. Bagi sesetengah pilihan raya, kerajaan terpaksa membuat keputusan mengadakan sesuatu pilihan raya lebih awal daripada tempohnya sama ada untuk mengambil kesempatan daripada sesuatu yang berlaku atau meramalkan sesuatu yang akan berlaku kemudian. Umpamanya, jika kerajaan berpendapat tahun lalu adalah paling sesuai untuk mengadakan pilihan raya kerana menjangkakan ekonomi negara bertambah buruk tahun ini, ia mungkin mengadakan pilihan raya tahun lalu. Tetapi, disebabkan kerajaan tidak menganggap suatu keadaan luar biasa akan berlaku, maka pilihan raya di Sabah dibuat mengikut tempohnya. Kemungkinan besar, pilihan raya umum juga akan diadakan mengikut tempohnya.

Walaupun umumnya rakyat Sabah menerima kerajaan BN hari ini, namun sebagai negara yang mengamalkan demokrasi, kerajaan perlu membenarkan dirinya untuk diadili. Di Sabah, rakyat negeri itu mempunyai beberapa faktor penting yang sering diberi pertimbangan demi menjamin masa depan mereka. Disebabkan rakyat Sabah pernah ditadbir oleh kerajaan BN, begitu juga pembangkang yang mewakili parti yang berbeza, rasanya mereka sudah dapat menilai kebaikan dan keburukan pada sesuatu masa.

Rakyat biasanya menilai apakah pemerintahan kerajaan BN menimbulkan huru-hara di Sabah atau sebaliknya BN selama ini membawa ketenteraman di negeri itu. Apakah selama ini BN memecahkan perpaduan rakyat atau sepanjang pentadbiran BN, rakyat hidup aman dan saling bantu membantu antara satu dengan lain tanpa mengira keturunan dan bangsa. Begitu juga, apakah selama pentadbiran BN rakyat menderita akibat kegiatan ekonomi tidak dapat dilaksanakan. Apakah rakyat Sabah melihat ketika menghadapi kegawatan ekonomi, kerajaan hanya berpeluk tubuh dan tidak melakukan sesuatu untuk memulihkan ekonomi negara. Rasanya, keadaan negara ini tentulah bertambah teruk tanpa tindakan berkesan yang dilakukan oleh kerajaan. Dalam konteks memulihkan ekonomi negara, tidak ada sumbangan daripada parti di luar BN. Segala-galanya difikir dan dilaksanakan oleh

kepemimpinan BN.

Menjelang 18 Mac nanti, sebuah kerajaan baru akan ditubuhkan. Hanya rakyatlah yang akan menentukan sama ada mereka mahukan kesinambungan kepemimpinan hari ini atau menggantikannya dengan sebuah kerajaan baru. Memilih kerajaan baru bermakna rakyat Sabah sekali lagi akan ditadbir oleh sebuah kerajaan pembangkang. Bagi rakyat Sabah, rasanya mereka sudah pun mengalami pengalaman di bawah kerajaan parti pembangkang. Dalam pilihan raya umum lalu, ramai calon parti pembangkang ditewaskan. Ini kerana pengalaman rakyat menunjukkan ketika di bawah kerajaan pembangkang ketika itu kehidupan mereka tidak banyak berubah, malah keselamatan mereka sentiasa tidak terjamin. Sebaliknya, mereka dipupuk dengan semangat perkauman yang tinggi, menggalakkan rakyat Sabah menanam semangat membenci kerajaan Persekutuan dan sebagainya. Kali ini rakyat perlu membuat keputusan sekali lagi. Kita yakin rakyat akan membuat perimbangan waras kerana memilih kerajaan memerlukan keputusan dan pertimbangan yang serius, bukan mengikut perasaan.

(END)